

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

HARI MALAYSIA



Cikgu Ifah: Delisa, tolong berikan borang ini kepada ayah kamu.

Delisa: Borang apa, cikgu?

Cikgu Ifah: Borang kebenaran untuk memberikan keizinan kepada kamu menjadi ketua nyanyian koir Hari Malaysia.

Delisa: Baiklah, cikgu. Saya akan (1)_____.

Cikgu Ifah: Minta ayah kamu tandatangan borang tersebut.

Delisa: Saya akan (2)_____.

Cikgu Ifah: Selain itu, pesan kepada ayah kamu supaya melengkapkan ruangan saiz baju dan seluar.

Delisa: Baiklah, cikgu. Saya akan pesan (3)_____.
Bagaimanakah dengan latihan cikgu?

Cikgu Ifah: Beritahu ayah kamu (4)_____
_____.

Delisa: Baiklah, cikgu. Saya akan sampaikan semua pesanan cikgu kepada ayah saya.

Cikgu Ifah: Kita jumpa pada hari Sabtu, pukul 8.00 pagi.

latihan akan diadakan pada hari Sabtu pukul 8 pagi.

ingatkan ayah saya supaya menandatangani borang tersebut.

beri borang ini kepada ayah saya.

ayah saya untuk melengkapkan ruangan saiz baju dan seluar.